

LINGUISTIK ANTROPOLOGI: PENGARUH PEMIKIRAN BOAS

Teo Kok Seong

Abstrak

Makalah ini cuba menggalurkan pemikiran Boas, ahli antropologi dan ahli linguistik Amerika yang masyhur pada awal abad ke-20 dan mempunyai pengaruh yang dominan dalam bidang linguistik antropologi semasa dari segi orientasi, skop dan kaedahnya. Pengaruh pemikiran Boas ini ditinjau dalam bidang-bidang yang diceburinya: Antropologi, etnologi dan linguistik.

Abstract

This article attempts to trace the thoughts of Boas, a renowned American anthropologist and linguist of the early 20th century, which exert a dominant influence in the discipline of contemporary anthropological linguistics in its orientation, scope, and methodology. The influence of Boas's thoughts is examined in the subjects undertaken by him: Anthropology, ethnology and linguistics.

PENDAHULUAN

Linguistik antropologi atau *anthropological linguistics* merupakan salah satu bidang dalam disiplin linguistik, yang merupakan pengajian dan pengkajian yang meneliti bahasa dalam konteks budaya dengan matlamat untuk memahami amalan budaya sesebuah masyarakat, melalui bentuk bahasa yang digunakan oleh anggota-anggota masyarakat berkenaan (Duranti, 1997, Foley, 1997, Hymes, 1964 dan 1983, Teo Kok Seong, 1997).

Salah satu pengaruh besar dalam penelitian bahasa dalam konteks budaya ialah pemikiran Franz Boas, ahli antropologi dan ahli linguistik Amerika Syarikat yang masyhur pada awal abad ke-20. Pandangan dan amalan intelektual Boas berkembang dalam bidang linguistik antropologi sehingga menjadi satu institusi utama yang dikenali sebagai tradisi Boas. Tradisi Boas merupakan fahaman kebahasaan relativisme yang pesat berkembang pada bahagian pertama abad ke-20 di Amerika Syarikat, masih berpengaruh dalam penelitian bahasa dan budaya hingga kini.

PEMIKIRAN FRANZ BOAS

Boas dilahirkan di Jerman pada 2 Julai 1858 dan memiliki ijazah doktor falsafah daripada Universiti Kiel, Jerman pada tahun 1881 dalam bidang fizik dan geografi. Walau bagaimanapun beliau amat meminati bidang budaya, terutama dari perspektif sejarah perkembangannya.

Setelah berpindah ke Amerika Syarikat, Boas bukan sahaja memperlihatkan tahap keserjanaan yang amat cemerlang, malah menjadi teraju nasional dalam bidang antropologi. Selain merupakan penganjur dalam bidang ini, Boas ialah guru kepada beberapa orang ahli antropologi Amerika Syarikat yang masyhur seperti Ruth Benedict, Margaret Mead, Melville Herskovits, dan Edward Sapir.

Selain memulakan *International Journal of American Linguistics* (IJAL) yang membicarakan bahasa dan linguistik kumpulan Orang Asli Amerika Syarikat, Boas menulis *The Mind of Primitive Man* pada tahun 1911, yang terdiri daripada siri kuliah tentang budaya dan ras. Tulisan ini sering dirujuk pada tahun 1920-an oleh golongan yang tidak berpuas hati terhadap undang-undang imigresen baharu Amerika Syarikat yang dianggap mengamalkan diskriminasi ras. *The Mind of Primitive Man* tidak disenangi oleh puak Nazi di Jerman. Mereka membakarnya dan seterusnya menarik balik penganugerahan ijazah doktor falsafah yang diberikan kepada Boas. Walau bagaimanapun, Universiti Kiel, melalui satu upacara khas pada tahun 1931 bukan sahaja mengembalikan, malah mengesahkan penganugerahan ijazah itu kepada Boas semula. Selain karya ini, Boas menghasilkan *Primitive Art* (1927) dan *Race, Language and Culture* (1940).

Boas meninggal dunia pada 22 Disember 1942, ketika berusia 84 tahun. Di samping merupakan ahli antropologi Amerika yang unggul, yang memulakan mazhab kerelatifan budaya yang kemudiannya menjadi fahaman antropologi dominan abad ke-20, Boas juga pakar dalam bidang budaya dan bahasa kumpulan Orang Asli Amerika Syarikat.

Sebagai sarjana politik yang banyak menyumbang, khususnya dalam bidang antropologi fizikal, linguistik deskriptif dan teori, dan etnologi kumpulan Orang Asli Amerika Syarikat, Boas bukan sahaja diakui sumbangan intelektualnya dalam bidang antropologi, malah diakui dan disanjung tinggi. Oleh sebab kecemerlangan akademiknya, pada tahun 1906 sewaktu berusia 48 tahun, Boas dihadihkan dengan sebuah “festschrift” yang pada lazimnya dianugerahkan kepada seorang sarjana unggul yang akan bersara oleh sarjana-sarjana lain, sebagai penghormatan dan pengiktirafan cendekia (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 2, 1995: 306–307).

PENGARUH ANTROPOLOGI BOAS

Terdapat dua kerangka pemikiran antropologi yang dominan pada awal abad ke-20 tentang tahap pencapaian yang berbeza antara ras tertentu (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 2, 1995:306–307). Kerangka pemikiran pertama dikenali sebagai aliran evolusi yang menganjurkan pemikiran bahawa ras yang mencapai tahap kemajuan yang tinggi, sebenarnya ialah kumpulan yang maju. Sebaliknya ras yang tidak berjaya mencapai tahap tamadun yang tinggi merupakan kumpulan primitif yang mundur.

Kerangka pemikiran kedua yang sering diberi gelaran aliran kerelatifan budaya menganjurkan fahaman bahawa ras yang terdapat di dunia ini sebenarnya mempunyai kemampuan yang setanding untuk sama-sama berkembang dan meningkat maju. Boas yang menganuti kerangka pemikiran kedua, mempercayai bahawa tamadun pelbagai kumpulan di dunia yang walaupun berada pada tahap yang berlainan, sebenarnya mempunyai keupayaan yang sama taraf untuk bergerak maju.

Pengaruh Boas telah meyakinkan kebanyakan ahli antropologi pada waktu itu dan turut menganuti aliran kerangka pemikiran kedua yang menegaskan bahawa mana-mana kumpulan manusia di muka bumi ini yang mempunyai jumlah anggota yang agak signifikan bilangannya, berupaya berkembang dan bergerak maju untuk membentuk sebuah peradaban yang tinggi. Apa jua perbezaan pada tahap peradaban yang dibina itu adalah akibat daripada faktor-faktor budaya, khasnya yang bersifat sejarah, dan bukan sekali-kali disebabkan oleh faktor genetik (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 2, 1995: 306–307).

Pandangan Boas yang berhubungan dengan fahaman kerelatifan budaya, menyarankan pertimbangan dan pemahaman terhadap semua faktor yang

mungkin mempengaruhi sejarah perkembangan manusia untuk memahami perbezaan budaya antara ras. Dalam hal ini, Boas menyarankan pentingnya hubungan antara manusia dengan persekitarannya diteliti sehemat mungkin, yang antaranya merangkumi pelbagai soal sosial seperti migrasi, pemakanan, dan pendidikan.

Maksud yang ingin ditekankan oleh Boas ialah kepentingan pendekatan holistik dalam penelitian antropologi. Menerusi pendekatan holistik, fahaman kerelatifan budaya menganjurkan pandangan bahawa setiap budaya itu harus ditafsir sebagai sesuatu yang tersendiri, berbeza daripada yang lain, berasaskan keseluruhan kehidupan manusia yang antaranya melibatkan persekitaran fizikal di sekelilingnya dan kontak sosial melalui aktivitiinya (Duranti, 1997: 54).

Selain menggunakan pendekatan holistik, Boas yang selalu menganggap dirinya sebagai ahli sains semula jadi, menyeru agar ahli antropologi sentiasa berada di lapangan untuk mencari maklumat dan bukti tentang perlakuan manusia dalam persekitaran semula jadinya sewaktu meneliti dan merakamkan proses budaya. Orientasi penelitian yang ditekankan oleh Boas telah memberikan dimensi baharu kepada bidang antropologi yang mengutamakan data empirik, kerja lapangan, dan bukti kukuh tentang perlakuan manusia dan organisasi sosial dalam sesuatu persekitaran budaya yang hidup.

Di sebalik penekanan tentang pentingnya kerja lapangan dan bukti kukuh yang diperoleh daripada pengamatan ikut serta di lapangan, Boas kelihatan cenderung kepada aliran fungsionalisme atau pendekatan fungsional (orientasi penelitian yang diasaskan pada teori sosiologi lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20) yang menyamakan masyarakat manusia dengan organisma hidup atau jentera dengan bahagian-bahagiannya yang saling bergantung antara satu sama lain. Menurut Boas, pendekatan fungsional sebenarnya cuba meneliti hubung kait antara unsur tertentu, sama ada yang besar ataupun yang kecil dalam sebuah budaya. Matlamat utama pendekatan ini adalah untuk mencapai kesatuan dalam budaya dengan menunjukkan bahawa sesuatu pola, ciri, dan adat, sama penting, khususnya dalam menyumbang kepada perjalanan sesuatu sistem budaya yang lancar, yang berfungsi sebagai keseluruhan sistem budaya berkenaan. Pendekatan fungsional ini memberi penekanan kepada perkaedahan yang meneliti sesebuah budaya itu secara keseluruhan agar budaya yang diteliti diungkapkan secara bersepadu (Herskovits, 1949: *passim*).

Dalam bidang antropologi, Boas juga menekankan pentingnya konsep kekhususan (*particularism*), lebih-lebih lagi kekhususan dari sudut sejarah

(*historical particularism*). Beliau amat mementingkan penelitian sesebuah budaya itu secara individu, khasnya ditinjau dari segi keunikan sejarahnya. Menurut Boas, tugas utama ahli antropologi adalah untuk menghuraikan ciri-ciri khusus sesebuah budaya itu dengan matlamat utamanya untuk menyusur galur peristiwa sejarah yang memberi struktur yang ada kini kepada budaya berkenaan (Hymes, 1983: 146, *The New Encyclopaedia Britannica* Volume 9, 1995: 175).

Berdasarkan konsep kekhususan ini, Boas menolak andaian bahawa satu ukuran standard memadai untuk membandingkan semua budaya. Seperti yang berlaku dengan fahaman kerelatifan budaya, pengaruh beliau yang kuat dalam bidang antropologi telah menyebabkan pendekatan kekhususan ini diterima umum, khasnya pada awal abad ke-20.

ETNOLOGI/ETNOGRAFI

Boas telah banyak melakukan penelitian etnografi ke atas puak Kwakiutl, kumpulan Indian atau kumpulan Orang Asli yang tinggal di pantai kawasan barat laut Amerika Syarikat, khasnya di British Columbia, Kanada, dan sepanjang pantai antara Pulau Vancouver dengan tanah besar di hadapannya (Golla, 1984: *passim*). Puak Kwakiutl menggunakan dialek: Haisla, Heiltsuq, dan Kwakiutl Selatan.

Berdasarkan pengalaman meneliti budaya puak Kwakiutl, Boas mendapati bahawa amat sukar untuk seseorang itu memahami budaya sesuatu kumpulan itu kalau bahasanya tidak difahami terlebih dahulu. Menurut beliau, keperluan linguistik ini bukan semata-mata bersifat praktis, malah mempunyai implikasi teoretis, khususnya dalam meneliti hubungan antara bahasa dengan budaya (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 7, 1995: 53).

Boas (1911: 52) mendapati pengetahuan tentang bahasa sesuatu kumpulan itu merupakan syarat utama ke arah pemahaman budaya kumpulan berkenaan yang sempurna, lebih-lebih lagi dalam usaha pemahaman yang lebih jelas dan komprehensif tentang fenomena etnologi.

Beliau berpendapat bahawa usaha penelitian teoretis terhadap bahasa puak Indian Amerika Syarikat sama penting dengan usaha penguasaan bahasa itu. Hal ini kerana analisis bahasa dari perspektif linguistik formal adalah penting untuk memperlihatkan psikologi (tindakan dan perlakuan) kumpulan yang menggunakan bahasa berkenaan (Boas, 1911: 52).

Etnologi menurut Boas, merupakan disiplin yang meneliti fenomena mental manusia. Bahasa ialah salah satu manifestasi penting fenomena men-

tal. Pandangan Boas tentang pentingnya bahasa sebagai indeks pemikiran dan budaya menjadi tesis asas bidang antropologi budaya di Amerika Syarikat pada bahagian pertama abad ke-20 (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 3, 1995: 782). Kepentingan bahasa turut dijelaskan oleh Kroeber (1923:102) yang menyatakan bahawa budaya hanya berfungsi dalam bentuk abstrak dan yang memanifestasikan budaya dalam bentuk konkrit ialah bahasa, baik yang bersifat lisan mahupun tulisan.

Dari segi perkaedahan, pandangan Boas tentang peranan penting bahasa dalam budaya memberikan pengertian besar kepada bidang linguistik. Sistem bahasa boleh dijadikan panduan untuk memahami dan menjelaskan sistem budaya. Penelitian Boas terhadap bahasa puak Indian Amerika Syarikat dilakukan melalui rakaman teks dalam kod/transkrip fonetik (Boas, 1911: 4–5) yang berasaskan cerita rakyat (*folklore*). Penggunaan cerita rakyat dalam bentuk kisah yang dicatat sebagai sumber penelitian linguistik, khususnya dalam kerangka hubungan bahasa dan budaya amat berguna. Hal ini kerana cerita rakyat merupakan cerminan sebenar budaya kumpulan yang menghasilkannya. Selain itu, cerita rakyat mampu menunjukkan perubahan yang berlaku pada budaya sesuatu kumpulan, atau sebaliknya mengabadikan pola-pola budaya tradisional pada kumpulan berkenaan.

Penelitian terhadap cerita rakyat seperti yang dilakukan oleh Boas, daripada perspektif antropologi, antaranya bertujuan untuk meninjau norma dan nilai budaya kumpulan yang berkenaan.

Cerita rakyat yang diteliti oleh Boas terdiri daripada beberapa bentuk (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 19, 1995: 307), termasuklah sastera lisan – sama ada dalam bentuk puisi atau prosa yang merangkumi kisah, legenda, mitos, nyanyian kanak-kanak, peribahasa, simpulan bahasa, bidalan, kata-kata hikmat, bahasa berirama, kepercayaan dan pantang larang, dan budaya kebendaan – khasnya objek-objek fizikal yang dibuat secara tradisional, misalnya kraf tangan turun-temurun, seni bina lama, rumah dan bangunan tradisional, perusahaan tradisional, dan adat istiadat yang merangkumi antaranya pementasan, persembahan, dan ritual tradisional.

Penggunaan cerita rakyat sebagai sumber maklumat budaya ini telah menjadi kaedah penting dalam bidang linguistik antropologi. Dalam hal ini, Boas menegaskan bahawa catatan yang diusahakan itu harus bersifat verbatim, yakni betul-betul seperti yang dituturkan semasa merakamkan cerita rakyat atau warisan budaya yang lain. Catatan yang mengutamakan aspek verbatim amat penting untuk memberi pemahaman yang sempurna tentang sesuatu teks itu kerana para pembaca boleh melihat asas dan hala

perbincangan berdasarkan kata-kata sebenar yang digunakan oleh anggota masyarakat berkenaan.

LINGUISTIK

Penelitian linguistik yang pertama yang dilakukan oleh Boas adalah sewaktu beliau bertugas di sebuah muzium etnologi di Berlin, Jerman pada tahun 1885. Cara penelitian Boas terhadap bahasa dan linguistik kumpulan Orang Asli Amerika Syarikat, sebenarnya banyak dipengaruhi oleh pemikiran dan amalan Horatio E. Hale (1817–1896) ahli antropologi Amerika yang giat meneliti bahasa kumpulan Indian Amerika Utara dalam konteks etnologi yang menganggap maklumat linguistik mempunyai sumbangan yang lebih besar daripada data ras dalam menghurai serta memahami hubungan etnologi antara kumpulan manusia.

Pengaruh Hale terhadap Boas boleh dikesan daripada amalan Boas yang memperlihatkan keprihatian istimewa dari sudut budaya terhadap bentuk makna bahasa serta amalan berbahasa yang diteliti semasa menganalisis linguistik dalam konteks etnologi dan dokumentasi linguistik dalam budaya tradisonal kumpulan Orang Asli Amerika Syarikat.

Pengaruh Boas yang lain dalam disiplin linguistik adalah menerusi strukturalisme (mazhab Amerika). Boas mengusulkan keperluan menganggap sesuatu bahasa itu sebagai sistem yang berhubungan dan berangkaian serta bersepadu, selain menekankan keunikan struktural tersendiri yang ada pada setiap bahasa, yang tidak boleh dibandingkan dengan struktur bahasa lain (Lepschy, 1982: 74–91).

Fahaman ini lahir daripada penelitian Boas terhadap ratusan bahasa kumpulan Orang Asli Amerika Syarikat. Dalam hubungan ini, beliau mendapati wujud logik dalaman yang tersendiri sifatnya pada bahasa ini yang berbeza antara satu sama lain, semasa mengklasifikasikan peristiwa dunia dari peribadi yang dialami. Perbezaan ini, misalnya menerusi pembinaan kosa kata yang membezakan peristiwa dan kejadian alam, berdasarkan pengalaman sesuatu kumpulan yang mengamalkan budaya masing-masing Boas (1911: 19) mengutarakan pelbagai perkataan yang berlainan untuk mengungkapkan pengertian “salji” dalam keadaan dan sifat yang berbeza dalam bahasa Eskimo. Kini huraian itu menjadi contoh klasik untuk memperlihatkan hubungan intim antara bahasa dengan budaya. Sebenarnya huraian itu tidak menganjurkan kehebatan bahasa yang memiliki bilangan perkataan yang besar untuk mengungkapkan sesuatu konsep atau entiti, berbanding bahasa yang mempunyai perkataan yang terhad jumlahnya.

Dalam hubungan ini, Boas cuba menegaskan wujud motivasi budaya dalam perkembangan leksikal yang memperlihatkan kelainan antara satu sama lain pada sesuatu bahasa itu.

Pemikiran Boas ini diubahsuai untuk menyampaikan fahaman linguistik relativisme yang membahaskan bahawa sesuatu bahasa itu mengungkapkan pengalaman tertentu. Pengalaman ini boleh mempengaruhi kumpulan yang menurutnya untuk memahami peristiwa dan kejadian alam berdasarkan pengalaman berkenaan seperti yang terungkap dalam bahasa itu (Whorf, 1956: 221).

Dalam hubungan bahasa dan pemikiran, Boas (1899: 624) berpendapat bahawa bentuk pemikiran yang bersifat paling jelas lazimnya lahir dalam bentuk bahasa dan biasanya wujud dalam bentuk “Versuch” (Humboldt, 1836–9: 40–46). Gagasan “Versuch” menganjurkan pandangan bahawa hanya sebahagian buah fikiran seseorang itu daripada pemikirannya yang sempurna, yakni yang merangkumi pelbagai hal yang berjaya dinyatakan semasa dia bercakap. Dari segi gagasan “Versuch” ini, Boas beranggapan bahawa kelainan linguistik menyebabkan sesuatu bahasa itu berkecenderungan memilih sesetengah konsep tertentu untuk mewakili keseluruhan gagasan yang ingin dinyatakan.

Walaupun penelitian linguistik Boas amat bersifat deskriptif, sebenarnya beliau meletakkan asas ke arah analisis bahasa yang lebih mementingkan elemen penjelasan. Penelitian Boas (1911: 39) terhadap kategori tatabahasa merupakan bukti bahawa beliau juga prihatin tentang aspek analisis seperti ini apabila membandingkan tatabahasa bahasa Inggeris yang memerlukan pelbagai kategori seperti kala, bilangan, dan sebagainya dengan kategori tatabahasa bahasa Kwak’ala, sebuah bahasa natif Amerika Utara di British Columbia, yang hanya mementingkan kategori kasus lokatif semasa mengungkapkan makna “the man is sick”.

FALSAFAH JERMAN

Analisis Boas dalam ketiga-tiga bidang yang diceburi itu rata-rata memperlihatkan tiga tema iaitu elemen, proses, dan pola. Corak analisis ini terserlah pada penelitian Boas terhadap cerita rakyat pada tahun 1890-an dan penelitian beliau terhadap tatabahasa pada tahun 1900-an, sewaktu beliau meneliti budaya dan bahasa kumpulan Orang Asli Amerika Syarikat.

Sesungguhnya pemikiran Boas banyak dipengaruhi oleh falsafah Jerman, khasnya pemikiran Jerman abad ke-19 dalam bentuk pengaruh Kantianisme (*The Encyclopaedia of Philosophy* Volumes 3 dan 4, 1967: 305–324, *The New Encyclopaedia Britannica* Volume 6, 1995: 726–727)

yang menekankan kepentingan pengalaman dalam pembentukan kategori mental. Kemudiannya diikuti pula oleh pengaruh aliran neo-Kantianisme (*The Encyclopaedia of Philosophy* Volume 5 dan 6, 1967: 468–473; *The New Encyclopaedia Britannica* Volume 22, 1995: 472–475) yang menjulurkan fahaman kepelbagaian kategori mental manusia mengikut budaya, ras, dan negara akibat pengalaman dan aspirasi yang berlainan.

Kantianisme merujuk kepada sistem falsafah kritis yang dimulakan oleh Immanuel Kant (1724–1804), pemikir handal abad ke-18, sebagai orientasi pemikiran yang memberi pertimbangan istimewa kepada keadaan sosial, budaya, dan sejarah dalam menilai kategori mental manusia, yakni pemikiran yang terbentuk akibat pengalaman yang dilalui. Kantianisme juga menuju kepada beberapa pemikiran berlainan yang teretus ekoran daripada penelitian terhadap karya-karya Kant seperti *Critique of Pure Reason* (1781), *Critique of Practical Reason* (1788), dan *Critique of Judgment* (1790).

Walaupun Kantianisme terdiri daripada pelbagai pemikiran yang tidak selalunya serupa, namun kesemuanya didapati akur kepada falsafah Kant yang mementingkan ilmu yang bersifat empiris, terutamanya tentang cara minda manusia mengenakan struktur kategorinya yang tersendiri berdasarkan pengalaman yang dilalui (Foley, 1997: 193). Kantianisme ialah percantuman empirisme British yang dipengaruhi oleh pemikiran John Locke, George Berkeley, dan David Hume yang antaranya menekankan peranan penting pengalaman manusia dalam pembikinan ilmu dan epistemologi, yang berlandaskan kaedah saintifik yang dianjurkan oleh Isaac Newton, metafizik rasionalisme Christian Wolff, dan pemikiran Gottfried Leibniz yang memberikan tumpuan kepada minda.

Selain pengaruh empirisme British, Kantianisme juga memperlihatkan warisan Romantisme yang merupakan sikap dan orientasi intelektual pada akhir abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19 (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 10, 1995: 160). Warisan ini menganjurkan penghayatan yang lebih mendalam terhadap budaya, khasnya budaya turun-temurun dan salasilah budaya etnik, lebih-lebih lagi asal usul yang bersifat kenegaraan. Pengaruh Kantianisme terhadap pemikiran Boas terdiri daripada pandangan beberapa orang ahli falsafah seperti Herder, Goethe, Schiller, dan Humboldt. Johann Gottfried von Herder (1744–1803) lebih merupakan tokoh dalam falsafah budaya dan sejarah. Dalam soal bahasa, Herder melalui karyanya *Essay on the Origin of Language* (1772) yang memenangi hadiah dari Berlin Academy, berpendapat bahawa salasilah bahasa berada dalam budaya (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 22, 1995: 549). Selain

itu, Herder mempercayai bahawa ilmu wujud hanya melalui perantaraan bahasa, dan struktur bahasa yang merupakan imej sebenar budaya manusia.

Sebelum itu, pada tahun 1767, Herder melalui sebuah tulisan yang membicarakan pelbagai isu bahasa dan perkembangan linguistik, menegaskan pentingnya bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan bidang sastera dan sains. Bahasa merupakan sebahagian daripada kedua-dua bidang ini (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 5, 1995: 868–869).

Pandangan Herder tentang konsep “peranan minda” dalam konteks proses pemikiran manusia berbeza daripada fahaman yang dianuti oleh rasionalisme. Beliau mempercayai bahawa minda manusia tidak dibahagikan kepada beberapa bahagian atau digabungkan oleh beberapa bahagian seperti penaakulan, perasaan, penerimaan, dan seumpamanya yang setiap satunya melaksanakan fungsi tertentu (*The Encyclopaedia of Philosophy* Volumes 3 dan 4, 1967: 486–489). Herder berpendapat, kesemua bahagian ini merupakan satu kesatuan dan segala aktiviti dan sifat manusia hendaklah dianggap sebagai satu perwatakan yang bersifat menyeluruh dan unitari. Pandangan kesatuan keseluruhan minda manusia ini juga dikembangkan oleh Herder untuk meliputi gabungan antara aspek psikologi dengan fisiologi manusia dalam memahami sifat manusia itu sendiri.

Kritikan Herder terhadap “peranan minda” khususnya tentang konsepsi yang menyatakan penaakulan merupakan bidang yang paling unggul daripada bidang-bidang lain seperti perasaan, pemahaman, penanggapan, dan seumpamanya yang menggerakkan aktiviti mental manusia mempunyai kaitan rapat dengan pandangan beliau terhadap bahasa. Herder mengatakan bahawa kuasa penaakulan manusia tidak beroperasi secara bersendirian, tetapi bertindak bersama-sama sebagai kesatuan dengan kemampuan dan kemahuan manusia yang lain.

Sehubungan dengan itu, Herder berpendapat bahawa aktiviti mental penaakulan dan penggunaan bahasa juga tidak bertindak secara bersendirian. Kedua-dua aktiviti ini bertindak serentak sebagai satu gabungan. Penelitian terhadap cara minda manusia menaakul sesuatu sebenarnya merupakan penelitian tentang cara-cara manusia menggunakan bahasa untuk menyatakan sesuatu. Dengan perkataan lain, proses pemikiran, misalnya penaakulan melibatkan penggunaan bahasa, sama ada dalam bentuk senyap atau dalam bentuk ujaran yang boleh didengar. Herder menganggap kepelbagaian bentuk bahasa sebagai amat penting dan menyarankan pertimbangan serius diberikan kepada peranan dan fungsi bahasa yang pelbagai sifatnya mengikut latar budaya dan sejarah yang berlainan, sewaktu menghuraikan

bentuk dan penggunaan bahasa.

Pandangan Herder dalam bidang sejarah pula menekankan pentingnya penghuraian sejarah yang tidak berdasarkan satu pola interpretasi yang seragam untuk semua zaman, terutamanya berkenaan dengan perkembangan dan perlakuan manusia, di samping menegaskan kepentingan sejarah lampau sesuatu kumpulan/budaya itu. Hal ini amat penting agar bidaah masa lampau dapat dielakkan apabila manusia menjalani kehidupan pada masa kini dan masa akan datang (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 20, 1995: 573). Dalam soal budaya, Herder menekankan pentingnya kesatuan dan keseluruhan yang padu antara elemen dalam peradaban manusia. Ini bertujuan agar penilaian dan pemahaman terhadap budaya itu dilakukan berdasarkan persekitaran budaya yang dilalui, dialami, dan didukung oleh kumpulan berkenaan.

Prinsip asas Herder berdasarkan perkaedahan beliau bahawa setiap zaman sejarah dan budaya itu mempunyai ciri, sifat, dan nilainya yang tersendiri.

Johann Wolfgang von Goethe (1749–1832) merupakan seorang tokoh Jerman yang handal dalam bidang kesusasteraan. Pengaruh Goethe dalam bidang falsafah lebih ditumpukan kepada kaedah yang diamalkan semasa meneliti alam dari sudut sains, baik dari segi fizik, botani, biologi, dan seumpamanya. Kaedah yang diamalkan oleh Goethe menganjurkan pentingnya proses mental dalam meneliti fenomena alam, bermula pada tahap pemerhatian semata-mata sewaktu peringkat awal sehinggalah tahap pembentukan teori yang merupakan peringkat akhir (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 20, 1995: 133–140).

Dalam perkaedahan saintifik itu, Goethe menegaskan bahawa amalan berteori terhadap fenomena yang memerlukan persepsi semata-mata sebagai penjelasan merupakan perbuatan yang sia-sia. Teguran Goethe ini sebenarnya dihubungkan dengan cara dan ikhtiar yang harus diusahakan oleh ahli sains, baik dalam bidang sains tulen mahupun sains sosial, untuk mengubah penerangan yang menjelaskan sesuatu fenomena khusus (*knowledge of self*) kepada penerangan yang mementingkan penjelasan yang melibatkan kategori yang lebih luas (*knowledge of world*).

Dalam menegaskan teori dan perkaedahan sains, Goethe mengutarakan tiga konsep yang kemudiannya berkembang menjadi gagasan utama dalam penelitian alam yang berkaitan, khususnya elemen manusia dan kewujudannya. Konsep berkenaan ialah fenomena prima, kekutuban, dan ikhtiar (*The Encyclopaedia of Philosophy* Volumes 3 dan 4, 1967: 362–364).

Ketika meneliti fenomena prima, misalnya rahsia alam, Goethe mem-

percaya bahawa fenomena ini hanya boleh ditemui melalui proses penemuan dan bukan melalui intuisi intelektual. Dengan perkataan lain, beliau menegaskan pentingnya kerja lapangan dalam pelbagai bentuk seperti eksperimen yang memberi tumpuan yang sistematik kepada proses pembentukan asas atau morfologi sesuatu entiti itu. Penelitian tentang proses, struktur, dan transformasi sesuatu seperti awan, warna, atau fenomena budaya sesebuah kumpulan sebagai contoh, dikaitkan dengan faktor persekitaran. Penegasan Goethe tentang kepentingan morfologi sebenarnya mengutamakan aspek evolusi dalam meneliti fenomena alam.

Goethe menggunakan gagasan kekutuban dengan meluas khasnya melalui dua konsep lain, iaitu penarikan (*attraction*) dan penolakan (*repulsion*) sebagai dua kuasa kosmik yang asas. Sesuatu yang diteliti itu, misalnya tumbuhan atau budaya, melalui gagasan kekutuban ini, dilandaskan pada fahaman kemungkinan berlakunya penyatuan yang membawa kepada kesatuan jika berlaku proses penarikan. Hal yang sebaliknya akan berlaku sekiranya wujud proses penolakan yang membawa kepada perbezaan yang kadangkala menjadikan sesuatu itu bersifat individu dan unik.

Konsep ikhtiar pula dikaitkan dengan proses peningkatan, yang mengikut Goethe, merupakan kemahuan untuk berkembang dari bentuk asas kepada yang lebih tinggi. Kemahuan ini sebenarnya satu ciri manusia yang sejagat. Goethe lebih mengaitkan gagasan ini dengan kehidupan manusia dan menegaskan bahawa setiap kumpulan manusia berikhtiar untuk berubah dalam semua aspek yang merangkumi antaranya pengalaman, tindakan serta perlakuan, dan kreativiti ke arah peringkat yang lebih tinggi dan keadaan yang lebih unggul.

Gagasan implisit yang terungkap dalam konsep ikhtiar ini ialah elemen dinamik yang harus diberi pertimbangan semasa meneliti mana-mana kumpulan manusia.

Johann Christoph Friedrich von Schiller (1759–1805) lebih terserlah sebagai penyair daripada ahli falsafah. Walau bagaimanapun, pemikirannya dalam bidang estetik memperlihatkan pengaruh falsafah rasionalis (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 10, 1995: 516). Beliau yang tertarik kepada teori morfologi Goethe, memperkembang gagasan itu dengan menegaskan bahawa sesebuah karya seni sanjungan dan pengiktirafan universal yang mendapat, harus membicarakan peristiwa dan kejadian alam, khasnya dari segi susunannya.

Schiller mengusahakan tipologi untuk mengkategorikan para penyair (*The Encyclopaedia of Philosophy* Volume 7 dan 8, 1967: 313). Matlamat di sebalik usaha ini adalah untuk menunjukkan kewujudan pelbagai persepsi

(akibat pelbagai jenis penyair) yang kesemuanya mempunyai kesahihan yang sama. Melalui tipologi ini, beliau menyarankan bahawa penyair daripada golongan yang berbeza itu melihat dan memahami peristiwa dan kejadian alam secara berbeza melalui interpretasi dan penjelasan yang tidak sama, akibat persepsi yang berlainan. Analisis ini hendaklah diterapkan untuk semua bentuk penjelasan.

Sumbangan Schiller dalam bidang falsafah melalui teori jenis (*theory of types*) (*The Encyclopaedia of Philosophy* Volumes 7 dan 8, 1967: 314), dimulakan melalui tipologi penyair. Teori jenis menyarankan bahawa terdapat pelbagai cara untuk memahami alam yang tidak semestinya tertakluk kepada objekviti atau kesamaan reaksi manusia, yakni sejenis penjelasan dan pemahaman sahaja terhadap persekitarannya. Hal ini demikian kerana minda manusia tidak bersifat sama akibat pengalaman yang berbeza.

Sumbangan Wilhelm von Humboldt (1767–1835) kepada penelitian bahasa, khususnya dalam bidang falsafah bahasa disanjung tinggi pada abad ke-20. Beliau mempercayai bahawa bahasa merupakan aktiviti yang memperlihatkan ciri dan struktur yang mengungkapkan budaya dan keindividuan penutur yang menggunakannya. Humboldt juga menegaskan bahawa manusia memahami peristiwa dan kejadian di dunia hanya melalui perantaraan bahasa. Pandangan ini mendahului perkembangan moden bidang etnolinguistik yang meneliti hubungan antara bahasa dengan budaya (Harris dan Taylor, 1989: 151–164, *The New Encyclopaedia Britannica* Volume 6, 1995: 140).

Teori linguistik Humboldt yang menekankan rangka bahasa yang terdiri daripada dua lapisan, iaitu dalaman dan luaran merupakan sumbangan beliau yang lain dalam perkembangan ilmu bahasa. Lapisan luaran bahasa merupakan korpus mentah seperti bunyi. Lapisan inilah yang bertanggungjawab membentuk bahasa-bahasa yang berlainan. Lapisan dalaman pula merupakan pola, struktur, tatabahasa, dan makna yang dikenakan pada korpus mentah itu. Lapisan ini bertanggungjawab membezakan sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain. Konsepsi struktur pada bahasa yang terdiri daripada dua lapisan ini menjadi fahaman dominan dalam bidang linguistik untuk seketika waktu (*The New Encyclopaedia Britannica* Volume 23, 1995: 43). Seperti Goethe, Humboldt menegaskan aspek dinamik. Bahasa ialah entiti yang dinamik, bukannya statik. Dalam hubungan ini, Humboldt menganggap bahawa bahasa sebagai aktiviti itu sendiri dan bukan hasil daripada aktiviti.

Selain menganuti relativisme, pemikiran linguistik Humboldt juga dipengaruhi oleh universalisme. Dalam hubungan ini, Humboldt meng-

anggap bahawa bahasa bukan sebagai satu set ujaran sejati yang dihasilkan oleh para penutur bahasa berkenaan, tetapi merupakan satu set rumus dan prinsip yang memungkinkan penutur-penutur bahasa itu menghasilkan ujaran sejati malah dalam kadar yang tidak terhad bilangannya (Foley, 1997: 143). Gagasan linguistik ini kemudiannya dikembangkan oleh Heymann Steinthal, ahli filologi Jerman dan Wilhelm Wundt, ahli fisiologi dan psikologi yang mempunyai pengaruh terhadap perkembangan teori psikologi bahasa pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 apabila Noam Chomsky memberi penekanan semula kepadanya dan menjadikannya salah satu fahaman asas dalam Tatabahasa Generatif.

Seperti Herder, Humboldt menganggap kualiti mental sesuatu bangsa atau budaya mempunyai pengaruh besar terhadap bentuk dan penggunaan bahasa rakyat negara atau kumpulan yang mengamalkan budaya berkenaan. Dengan perkataan lain, beliau mempercayai adanya hubungan antara bahasa kebangsaan sesebuah negara dengan perwatakan nasional yang diperlihatkan oleh rakyat negara berkenaan.

ORIENTASI, SKOP, DAN KAEDAH LINGUISTIK ANTROPOLOGI

Orientasi linguistik antropologi bertujuan untuk menghuraikan hubungan antara bahasa dengan budaya. Bahasa diteliti dalam matriks budaya, iaitu bahasa antaranya dilihat sebagai berasal, mengambil bentuk, dan dikekalkan dalam situasi, konteks, dan persekitaran budaya (Teo Kok Seong, 1997: 245–247). Skop linguistik antropologi terdiri daripada dua domain utama, iaitu bahasa sebagai indeks budaya dan etnografi bahasa/komunikasi. Domain pertama menumpukan perhatian kepada peranan bahasa yang boleh digunakan sebagai indeks untuk memperlihatkan cara anggota-anggota sesebuah masyarakat berfikir atau mengatur pengalaman.

Bahasa dan amalan linguistik harian yang terdapat dalam sesebuah masyarakat itu merupakan tumpuan utama pada domain kedua. Domain ini yang mementingkan etnografi bahasa sebagai media komunikasi, menganalisis realiti dan perlakuan komunikasi bersemuka bersama-sama dengan tema budaya masyarakat berkenaan. Melalui kedua-dua domain ini, linguistik antropologi cuba meneliti antaranya proses interaksi secara holistik daripada perspektif budaya, sistem kepercayaan, dan sistem nilai, seperti yang diperlihatkan antaranya pada struktur, strategi wacana, dan cara berkomunikasi.

Linguistik antropologi yang mengambil tradisi antropologi sebagai kaedah penelitian, mementingkan teknik etnografi yang menegaskan

pengamatan dan penghuraian empirik terhadap masyarakat yang diteliti daripada persepsi masyarakat itu sendiri. Kaedah kehidupan dan amalan anggota-anggota masyarakat untuk memahami morfologi masyarakat yakni cara terbentuknya masyarakat tersebut.

KESIMPULAN

Tema linguistik Boas yang menegaskan bahawa setiap bahasa merupakan sistem sempurna dan lengkap yang harus difahami berdasarkan sistemnya yang unik dan tersendiri, disambung serta dikembangkan oleh Edward Sapir (1884–1939), pelajar Boas yang paling pintar. Selain Sapir, Benjamin Lee Whorf (1847–1941), jurutera kimia turut memperjuangkan falsafah kesatuan psikik manusia, yakni keupayaan manusia tetap sama walaupun berbeza ras. Perbezaan linguistik antara ras tidak sekali-kali mencerminkan perbezaan kognisi. Perbezaan ini hanya merupakan penekanan yang berbeza yang diberikan kepada budaya masing-masing.

Tradisi Boas setelah kematian kumpulan bertiga (Boas, Sapir dan Whorf), memperlihatkan penurunan pengaruhnya dalam bidang linguistik antropologi. Penurunan ini sebenarnya lebih disebabkan oleh Perang Dunia Kedua (1939–1945), dan bukannya kemerosotan minat dalam penelitian bahasa dalam konteks budaya (Gumperz dan Levinson, 1996: *passim*). Selepas tamat Perang Dunia Kedua, tradisi Boas ini diteruskan, khususnya pada tahun 1950-an dan 1960-an dalam bentuk projek penyelidikan peribadi yang meneliti persoalan linguistik relativisme. Mengikut Lucy (1992b), penyelidikan ini antaranya diusahakan oleh Bright dan Bright (1969), Brown dan Lenneberg (1954), Carroll dan Casagrande (1958), Hoijer (1964), Lenneberg (1953), Lenneberg dan Roberts (1956), dan Mathiot (1964, 1969) yang mengambil arah yang agak berlainan daripada andaian Sapir dan Whorf.

Mulai tahun 1980-an, minat dalam tradisi Boas, khususnya tentang linguistik relativisme berkembang pesat di Universiti Chicago, Amerika Syarikat, melalui pengajian dan pengkajian yang diusahakan oleh Paul Friedrich (1986) dan Michael Silverstein (1976, 1979, 1981, 1985, 1987, dan 1992). Walaupun penelitian Silverstein masih membicarakan kesatuan psikik manusia, namun penelitian ini mengambil dimensi baharu dengan menghubungkannya dengan psikologi kognitif dan pragmatik.

Tulisan Lucy (1992a dan 1992b) yang membicarakan fenomena linguistik relativisme merupakan penerusan tradisi Boas dalam linguistik antropologi. Lucy juga menambah dimensi baharu dengan membicarakannya dari aspek pengujian psikologi.

RUJUKAN

- Boas, Franz, 1899. "On Alternating Sounds", dlm. *American Anthropologist* 2. Hlm. 47–53.
- Boas, Franz, 1911/1966. *Introduction to the Handbook of American Indian Languages*. Lincoln: University of Nebraska Press.
- Bright, J. dan Bright, W. 1969. "Semantic Structures in Northwestern California and the Sapir-Whorf Hypotheses", dlm. Tyler, S. (ed.) *Cognitive Anthropology: Readings*. Hlm. 66–77 New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Brown, R. dan Lenneberg, E. 1954. "A Study in Language and Cognition" dlm. *Journal of Abnormal and Social Psychology* 49: Hlm. 454–462.
- Carroll, J. dan Casagrande, J. 1958. "The Function of Language Classifications in Behavior" dlm. Maccoby, E., Newcomb, T., dan Hartley, E. (ed.), *Readings in Social Psychology*. Hlm. 18–31 New York: Henry Holt.
- Duranti, Alessandro, 1997. *Linguistic Anthropology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Foley, William, 1997. *Anthropological Linguistics: An Introduction*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Friedrich, Paul, 1986. *The Language Parallax: Linguistic Relativism and Poetic Indeterminacy*. Austin: University of Texas.
- Golla, Victor, (ed.), 1984. "The Sapir-Kroeber Correspondence". *Report No. 6. Survey of California and Other Indian Languages*. Berkeley: University of California.
- Gumperz, John, dan Levinson, Stephen, (ed), 1996. *Rethinking Linguistic Relativity*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Harris, Roy dan Taylor, Talbot, 1989. *Landmarks in Linguistic Thought: The Western Tradition from Socrates to Saussure*. London: Routledge.
- Herskovits, Melville, 1949. *Man and His Works*. New York: Knopf.
- Hojjer, Harry, 1964. "Cultural Implications of Some Navaho Linguistic Categories", dlm. Hymes, D., *Language in Culture and Society: A Reader in Linguistics and Anthropology*. Hlm. 142–148. New York: Harper and Row.
- Humboldt, Wilhelm von, 1836–9/1988. *On Language: The Diversity of Human Language-Structure and Its Influence on the Mental Development of Mankind*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hymes, Dell, (ed.), 1964. *Language in Culture and Society: A Reader in Linguistics and Anthropology*. New York: Harper and Row.
- Hymes, Dell, 1983. *Essays in the History of Linguistic Anthropology*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Kroeber, Alfred, 1923/1963. *Anthropology: Culture, Patterns, and Processes*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.

- Lenneberg, E. 1953. "Cognition in Ethnolinguistics." dlm. *Language* 29. Hlm. 463–471.
- Lenneberg, E. dan Roberts, J. 1956. *The Language of Experience: A Study in Methodology*. Indiana University Publications in Anthropology and Linguistics, Memoir 13. Baltimore: Waverly Press.
- Lepschy, G.C. 1982. *A Survey of Structural Linguistics*. New Edition. London: Andre Duetsch.
- Lucy, John, 1992a. *Grammatical Categories and Cognition: A Case Study of the Linguistic Relativity Hypotheses*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lucy, John, 1992b. *Language Diversity and Thought: A Reformulation of the Linguistic Relativity Hypotheses*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mathiot, Madeleine, 1964. "Noun Classes and Folk Taxonomy in Papago", dlm. Hymes, D., *Language in Culture and Society: A Reader in Linguistics and Anthropology*. Hlm. 154–161. New York: Harper and Row.
- Mathiot, Madeleine, 1969. "The Semantic and Cognitive Domains of Language". dlm. Garvin, P. (ed.), *Cognition: A Multiple View*. Hlm. 249–276. New York: Spartan Books.
- Silverstein, Michael, 1976. "Shifters, Linguistic Categories, and Cultural Description", dlm. Basso, K., dan Selby, H. (ed.), *Meaning in Anthropology*. Hlm. 11–15. Albuquerque: University of New Mexico Press.
- Silverstein, Michael, 1979. "Language Structure and Linguistic Ideology", dlm. Clyne, P., Hanks, W., dan Hofbauer, C. (ed.), *The Elements: A Parasession on Linguistic Units and Levels*. Hlm. 193–247. Chicago: Chicago Linguistics Society.
- Silverstein, Michael, 1981. *The Limits of Awareness. Working Papers in Sociolinguistics* 84. Austin, Texas: Southwestern Educational Laboratory.
- Silverstein, Michael, 1985. "Language and the Culture of Gender: At the Intersection of Structure, Usage and Ideology", dlm. Mertz, E., dan Paramentier, R. (ed.), *Semiotic Mediation: Sociocultural and Psychological Perspectives*. New. Hlm. 219–260. York: Academic Press.
- Silverstein, Michael, 1987. "Cognitive Implications of a Referential Hierarchy". dlm. Hickman, M. (ed.), *Social and Functional Approaches to Language and Thought*. Hlm. 125–164. New York: Academic Press.
- Silverstein, Michael, 1992. "Metapragmatic Discourse and Metapragmatic Function". Dlm. Lucy, J. (ed.), *Reflexive Language: Reported Speech and Metapragmatics*. Hlm. 33–58. Cambridge: Cambridge University Press.
- The Encyclopedia of Philosophy*. Volume 3 dan 4, 5 dan 6, 7 dan 8. Complete and Unabridged. 1967. New York: Macmillan Publishing Co., Inc., and The Free Press.
- The New Encyclopaedia Britannica*. Volume 2, 3, 5, 6, 7, 9, 10, 19, 20, 22, dan 23.

TEO KOK SEONG

edisi ke-15 1995. Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc.

Teo Kok Seong, 1997. "Linguistik Antropologi: Satu Pengenalan Teoretis", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 41:3 Mac, hlm. 243–251.

Whorf, Benjamin, 1956. *Language, Thought, and Reality: Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. Cambridge, Massachusetts: The Massachusetts Institute of Technology Press.